

Ambil serius gesaan raja-raja Melayu berhubung 1MDB, kata Azmin
The Malaysian Insider
Oct 7, 2015

Putrajaya perlu segera menangani isu 1Malaysia Development Berhad (1MDB), kata Menteri Besar Selangor Mohamed Azmin Ali yang menyokong titah Majlis Raja-raja Melayu semalam.

Azmin berkata kerajaan Selangor mengambil serius dan mengalu-alukan kenyataan raja-raja Melayu itu, yang menurutnya penting kerana melibatkan kepentingan seluruh rakyat Malaysia.

"Kami berpandangan bukan sahaja pemimpin tapi seluruh negara patut mengalu-alukan dan mengambil serius pandangan yang dinyatakan dalam kenyataan tersebut," kata Azmin merujuk kenyataan Majlis Raja-raja Melayu semalam.

Azmin menyifatkan luahan Majlis Raja-raja Melayu itu senada dengan sentimen rakyat ketika ini yang bimbang dengan isu melibatkan syarikat sarat hutang itu, yang mana Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak merupakan pengerusi lembaga penasihatnya.

"Tanpa ragu, setiap yang diluahkan dalam hal tersebut adalah senada dengan orang ramai yang berkongsi kebimbangan dengan isu yang dibangkitkan oleh Majlis Raja-raja Melayu," katanya dalam satu kenyataan pagi ini.

Sekiranya tidak ditangani segera isu 1MDB, Azmin berkata ia dibimbangi akan menjejaskan ekonomi negara dan masa depan rakyat keseluruhannya.

"Jika isu ini tidak ditangani dan dibenarkan berpanjangan, ia mampu mengancam ekonomi negara dan kehidupan orang ramai.

"Ini pada masa sama juga dapat mengancam ketenteraman awam dan keselamatan negara," katanya.

Semalam, Penyimpan Mohor Besar Raja-raja, Datuk Seri Syed Danial Syed Ahmad mengeluarkan kenyataan Majlis Raja-raja Melayu yang mahu kerajaan menyelesaikan secepat mungkin siasatan berkaitan 1MDB dan mengambil tindakan tegas sewajarnya terhadap pihak yang terlibat. – 7 Oktober, 2015.

Copyright © 2015 Edge Insider Sdn Bhd

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/ambil-serius-gesaan-raja-raja-melayu-berhubung-1mdb-kata-azmin>